



**KENYATAAN RASMI**  
**20 Mei 2021**

## **PENGUMUMAN KES POSITIF COVID-19**

---

Petaling Jaya – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin memaklumkan tiga kes baru COVID-19 melibatkan warga kerja PR1MA telahpun direkodkan.

Untuk pengetahuan, rekod kehadiran terakhir ke pejabat bagi individu kes pertama dan kedua ialah pada 7 Mei 2021 susulan langkah kuarantin dan arahan bekerja dari rumah yang dikeluarkan. Kedua-dua individu ini disahkan positif pada 16 Mei semasa ujian swab kedua, meskipun didapati negatif semasa ujian pertama diambil. Bagi kes ketiga, beliau didapati positif pada 18 Mei dan kali terakhir hadir ke pejabat ialah pada 17 Mei. Ketiga-tiga mereka kini sedang menunggu untuk menerima rawatan selanjutnya.

PR1MA sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan semua tindakan bagi mencegah penyebaran pandemik COVID-19 dilaksanakan dengan segera.

Untuk mengurangkan risiko jangkitan, PR1MA telah melakukan tindakan berikut :

- Mengarahkan kakitangan yang merupakan kontak rapat disaring mengikut kategori.
- Usaha pengesanan kontak rapat mulai 30 April sedang dijalankan untuk mengesan mana-mana warga kerja dan pelawat luar yang telah berurusan secara terus dengan individu-individu tersebut. Individu-individu tersebut akan dihubungi dengan segera dan perlu menjalani kuarantin.

Keselamatan warga kerja dan para pelanggan merupakan keutamaan kami di PR1MA. Kami akan memaklumkan sebarang informasi terkini melalui saluran komunikasi rasmi PR1MA. Sama-sama kita memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum Negeri Selangor) atau e-mel kepada [info@p1ma.my](mailto:info@p1ma.my).

-TAMAT-

---